



## 'Jangan caci, hina pihak berbeza aliran dengan kerajaan'

Oleh Fahmy A Rosli - Mei 28, 2023 @ 6:09pm  
fahmy.azril@bh.com.my

IPOH: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua pihak supaya jangan sewenang-wenang mencaci atau menghina pihak berbeza aliran dengan Kerajaan Perpaduan.

Perdana Menteri berkata, pengamal media atau pihak lain yang bertindak sedemikian perlu menghentikan amalan itu.

"Yang tidak bersama kita (kerajaan), pembangkang akan dicaci dan dihina. Saya tidak mahu ini diteruskan. Kita harus berdiri tegak dalam merakam peristiwa, menilai dan mempertahankan prinsip serta nilai akhlak itu.

"Rakan yang tidak bersama kita memilih untuk menentukan itu, maka mereka harus diberi hak bersuara tanpa harus dicela dan dihina seperti kami alami dahulu. Ini soal nilai.

"Saya harap pandangan ini dapat saudara wacanakan dan bincang. Apa yang paling utama bagi saya adalah kesedaran. Kalau kita memupuk budaya baharu dalam duniaewartawanan, saudara harus berasa bebas dan percayakan media.

"Gedung-gedung utama menguasai media harus diberi sedikit ruang di era baharu. Yang hanya kita gusarkan adalah kecenderungan untuk meporak-perandakan dari sudut keselamatan negara.

"Kita menghadapi suasana yang mana usaha memekarkan sikap dan meninggalkan fahaman dangkal kaum dengan percubaan memerangkap anak-anak muda dalam pemikiran terlalu jumud, buntu dengan permasalahan kaum yang cetek serta fahaman dangkal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2023 di sini, hari ini.

Nasional (HAWANA) 2023 di sini, hari ini.